

**PERKEMBANGAN TANDA WAQF DI DALAM AL-QURAN**  
Muhammad Syafee Salihin, Muhammad Fairuz A. Adi, Shahrudin Saad  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[mrsyafee@kuis.edu.my](mailto:mrsyafee@kuis.edu.my)

**ASBTRAK**

*Al-Quran merupakan kitab suci yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W melalui perantaraan Jibril A.S. Semasa proses penurunannya kepada Baginda, Jibril telah mengajar secara talaqqi dan musyafahah kepada Baginda di mana tempat-tempat untuk waqf dalam suatu ayat. Disiplin ini telah digunakan oleh Baginda semasa mengajar kepada sahabat-sahabat yang lain sehinggalah berterusan pada hari ini. Walaubagaimanapun, penandaan tempat berhenti dan memulakan bacaan adalah tidak meluas semasa zaman permulaan penurunan al-Quran yang menyebabkan terdapat perbezaan dalam kalangan para ulama kemudian untuk menentukan tanda waqf yang sesuai dalam ayat al-Quran. Kajian ini akan menjelaskan perkembangan tanda-tanda waqf dan akan merumuskan maksud tanda-tanda waqf yang telah diletakkan di dalam al-Quran pada masa kini. Rekabentuk kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian menunjukkan perkembangan tanda waqf adalah bermula daripada zaman Nabi Muhammad S.A.W dan terus berkembang pesat dalam bentuk karya pada zaman selepas itu sehingga pada hari ini. Hasil kajian juga menjelaskan terdapat 6 jenis tanda waqf yang telah diletakkan pada al-Quran masa kini. Implikasi kajian penting dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan bacaan al-Quran dengan bertajwid supaya bertepatan dengan bacaan daripada Nabi S.A.W.*

**1. PENDAHULUAN**

Penulisan al-Quran telah bermula semenjak zaman Nabi S.A.W dan terus berkembang kepada zaman sahabat dan tabiin. Pada peringkat permulaan ini, al-Quran masih tidak diletakkan sebarang titik, baris atau sebarang tanda sama ada tanda hukum atau tanda *waqf* dan *ibtida'* (Muhammad Salim Muhaisin 2002). Perubahan dan pembaikan pada al-Quran sentiasa dilakukan oleh para ulama dari masa ke semasa bertujuan untuk memudahkan bagi pembaca al-Quran, terutama untuk orang *'ajam* yang tidak memahami dan mengetahui bahasa Arab dengan baik.

**2. PERKEMBANGAN TANDA WAQF DAN IBTIDA'**

*'Izzah 'Ubaid Da'as* (2011) menjelaskan orang yang pertama memperkenalkan tanda *waqf* dan *ibtida'* pada al-Quran adalah Imam Abi 'Abdullah Muhammad bin Taifur al-Sajawindi yang meninggal tahun 560H. Tanda-tanda *waqf* tersebut dikenali sebagai *rumuz sajawindi*. Antara tanda *waqf* dan *ibtida'* dalam *rumuz sajawindi* adalah tanda — ذ - ص - ج - ت - م — (*mim, tha, jim, shad, za, lam*). Selain itu, Hasan Bigalary (1946) menyatakan ulama qiraat juga telah memperkenalkan lebih awal berkaitan tanda *waqf* dan *ibtida'* pada ayat al-Quran seperti mana ditulis pada ayat al-Quran lama. Tanda baca-tanda bacaan itu adalah: -س- قف- ق ( *qif, sin, qafh, qaf, qili, shil, shili, shaq, shab, jih, kaf* ).

Muhammad Khalid Abd al-Aziz Mansur (1999) menjelaskan keadaan tanda *waqf* dan *ibtida'* ini berterusan sehinggalah dibuat penambahbaikan oleh Shykh Ridwan bin Muhammad yang telah menulis *mushaf* mengikut kaedah *Rasm al-Uthmani*. *Mushaf* ini telah dicetak di Qaherah Mesir pada tahun 1308H/ 1891M yang mana ia dikenali sebagai *Mushaf al-Mukhallalati*. Beliau telah menambah *fasilah* (pemisah) di antara dua surah dalam al-Quran serta meletakkan enam tanda *waqf* iaitu seperti dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1 Tanda *waqf*

Bil	Tanda <i>Waqf</i>	Jenis <i>Waqf</i>
1	ت	<i>Waqf Tam</i>
2	ك	<i>Waqf Kafi</i>
3	ح	<i>Waqf Hasan</i>
4	ص	<i>Waqf Saleh</i>
5	ج	<i>Waqf Jaiz</i>
6	م	<i>Waqf mafhum</i>

Sumber: Muhammad Khalid Abd al-Aziz Mansur (1999)

Hasil dari penelitian daripada *mushaf* tersebut, akhirnya jawatan kuasa khas daripada kerajaan Mesir telah bersetuju untuk menyalin semula al-Quran yang baru mengikut disiplin *rasm al-Uthmani* dengan meletakkan tanda-tanda bacaan mengikut riwayat Hafs bin Sulaiman al-Kufi al-Asadi. Mereka menjadikan *Mushaf al-Makhallalati* sebagai panduan dan kaedah dalam penulisan al-Quran tersebut. Pada *mushaf* tersebut telah diletakkan nombor pada setiap ayat al-Quran, dinyatakan sama ada surah *madaniyyah*<sup>1</sup> atau *makiyyah* dan diletakkan tanda-tanda *waqf*, *juz*, *hizb*, *rubu*<sup>c</sup>, *sajdah* dan *saktah*. Seterusnya telah diletakkan tanda *waqf* kepada 6 bahagian seperti dalam jadual 2 berikut:

Jadual 2 Tanda *waqf* dalam al-Quran

Bil	Tanda <i>Waqf</i>	Jenis <i>Waqf</i>
1	م	<i>Waqf Lazim</i>
2	قلی	<i>Waqf Kafi</i>
3	صلی	<i>Waqf Hasan</i>
4	لا	<i>Waqf Qabih</i>
5	ج	<i>Waqf Jaiz</i>
6	∴ ∴	<i>Waqf Mu'naqah</i>

Sumber: Muhammad Khalid Abd al-Aziz Mansur (1999)

### 3. PERKEMBANGAN TANDA WAQF DAN IBTIDA' DI NUSANTARA

Asep Saefullah (2013) menjelaskan sejarah Nusantara menunjukkan bahawa telah wujud usaha-usaha meletakkan tanda *waqf* dan *ibtida'* ini sejak zaman awal 1950-an lagi. Ini terbukti dengan adanya dua buah *mushaf* al-Quran yang ditulis dengan tanda-tanda *waqf* dan *ibtida'* pada era awal 1950-an iaitu:

- 1) *Mushaf Standar Indonesia*

<sup>1</sup> Madaniyyah adalah merujuk kepada surah-surah yang diturunkan di kota Madinah dan surah yang turun selepas hijrah, manakala Makiyyah adalah bermaksud surah-surah yang diturunkan di kota Mekah dan surah yang diturunkan sebelum Nabi berhijrah ke Madinah (al-Suyuti 2008).

2) *Mushaf Al-Ma'arif* Bandung tahun 1957

Dalam *Mushaf* Standar Indonesia terdapat enam tanda *waqf* diletakkan, iaitu: 1) Waqf Lazim (م), 2) Waqf Jaiz (ج), 3) Waqf Jaiz tetapi berhenti lebih baik (ق), 4) Waqf Jaiz tetapi sambung lebih baik (صل), 5) Tanda tidak boleh berhenti kecuali di akhir ayat (لا), dan 6) Waqf pada salah satu tanda/*Mu'anaqah* (••). Gambar rajah 1 berikut dijelaskan keenam-enam tanda *waqf* tersebut sebagaimana terdapat pada bahagian akhir *Mushaf* Standar Indonesia.

عَلَامَاتُ الْوَقْفِ (تتبعاً - تتبايناً)	
١	علامة الوقف اللزيم وهو الذي يتعين فيه الوقف ولا يجوز الوصل عنده وتتبايناً لا تتبع وهو الذي يستوي فيه الوقف والوصل (تتبعاً ووقفاً متتابعين أو يتبعه الوقف بالوقف والوصل)
٢	علامة الوقف الجائز وهو الذي يستوي فيه الوقف والوصل (تتبعاً ووقفاً متتابعين أو يتبعه الوقف بالوقف والوصل)
٣	علامة الوقف الجائز مع كون الوقف أولى (تتبعاً ووقفاً متتابعين أو يتبعه الوقف بالوقف والوصل)
٤	علامة الوقف الجائز مع كون الوصل أولى (تتبعاً ووقفاً متتابعين أو يتبعه الوقف بالوقف والوصل)
٥	علامة عدم جواز الوصل التي هي في الوقف الذي يتبعه الوقف والوصل (تتبعاً ووقفاً متتابعين أو يتبعه الوقف بالوقف والوصل)
٦	علامة تصانق الوقف على أحد الموضعين لا يصح الوقف على الآخر (تتبعاً ووقفاً متتابعين أو يتبعه الوقف بالوقف والوصل)

Rajah 1 Tanda *waqf* dalam *Mushaf* Standar Indonesia  
 Sumber : *Mushaf* Standar Indonesia 2012

Seterusnya di dalam *Mushaf Al-Ma'arif* Bandung yang terbit tahun 1957 pula, terdapat sepuluh rumus tanda *waqf*, yaitu: 1) mim (م) untuk waqf lazim, 2) ط untuk waqf mutlak, 3) jim (ج) untuk waqf jaiz, 4) zai (ز) untuk waqaf *mujawwaz*, 5) ص for waqf *murakhas*, 6) قف (ق) untuk waqf lebih baik, 7) Qaf (ق) untuk waqf menurut sebagian ulama, 8) سد (س) untuk boleh waqf tetapi terus lebih baik, 9) lam alif (لا) untuk tanda tidak boleh berhenti, dan 10) Kaf (ك) untuk waqf sebagaimana waqf yang sebelumnya. Kesepuluh rumus ini terdapat pada halaman 549 *Mushaf Al-Ma'arif* tersebut, sebagaimana gambar rajah 2 berikut:

بَيَانُ مَوَاقِفِ الْأَوْقَافِ		
١	م	إشارة وقف لازم
٢	ط	إشارة وقف مطلق
٣	ج	إشارة وقف جائز
٤	ز	إشارة وقف مجوز
٥	س	إشارة وقف مخصص

Rajah 2 Tanda *waqf* dalam *Mushaf al-Ma'arif*

Sumber: *Mushaf al-Ma'arif*, Bandung 1957

4. PERKEMBANGAN TANDA WAQF DAN IBTIDA' DI MALAYSIA

Cadangan untuk mewujudkan peruntukkan undang-undang bagi mengawal dan memelihara kesucian al-Quran di Malaysia adalah hasil dari rungutan orang ramai terhadap pencemaran al-Quran terutama dari penyusunan, penulisan, pengedaran, penjualan dan lain-lain yang berkaitan dengan al-Quran (KDN 2006). Persidangan Raja-raja Melayu pada 8 Februari 1984 telah memutuskan agar diwujudkan peruntukan undang-undang bagi mengawal serta memelihara kesucian al-Quran dari sebarang pencemaran yang melibatkan penyusunan ayat-ayat, penulisan, pengedaran dan lain-lain. Selepas itu, pada tahun 1986 telah diwartakan Akta Percetakan Teks al-Quran. Bagi merealisasikan Akta tersebut, kerajaan telah

menubuhkan Lembaga Pengawalan dan Perlesenan Percetakan al-Quran dan ia dianggotai oleh para Mufti dan Kadi Besar bagi setiap negeri-negeri di Malaysia (KDN 2006).

Lembaga Pengawalan dan Perlesenan Percetakan al-Quran tersebut akhirnya pada menubuhkan sebuah jawatankuasa Lajnah Tashih al-Quran yang terdiri dalam kalangan huffaz dan pakar dalam al-Quran dan dipengerusikan oleh Dato Mohamad Nor Mansor al-Hafiz<sup>2</sup>. Tanggungjawab Lajnah ini adalah memastikan kaedah penggunaan *rasm* dan *dabt* dengan tepat, menyelaraskan *rasm* al-Quran di Malaysia serta penyemakan dan pengawalan (KDN 2006).

Setiap al-Quran yang ingin dicetak hendaklah melalui proses pengesahan daripada jawatankuasa Lajnah Tashih al-Quran. Mana-mana *mushaf* al-Quran yang tidak melalui pengesahan daripada Lajnah Tashih al-Quran tidak dibenarkan untuk diterbitkan atau dicetak. Pada tahun 1988 telah terbit sebuah al-Quran yang mendapat kelulusan daripada jawatankuasa Lajnah Tashih al-Quran dan diletakkan tanda *waqf* sebanyak 14 tanda *waqf*. Rajah 3 berikut adalah tanda *waqf* yang terdapat dalam *mushaf* yang diluluskan oleh jawatankuasa Lajnah Tashih al-Quran pada tahun 1988:

Nom	Tanda Waqf	Asal kalimah	Pengetian Tanda
1	م	لازم	<i>Waqf</i> yang diwajibkan atau dimestikan.
2	ت	تام	<i>Waqf</i> yang sempurna.
3	أتم	أتم	<i>Waqf</i> yang lebih sempurna.
4	ك	كافي	<i>Waqf</i> yang memadai.
5	أك	أكفي	<i>Waqf</i> yang lebih memadai.
6	ح	حسن	<i>Waqf</i> yang bagus.
7	أح	أحسن	<i>Waqf</i> yang lebih bagus.
8	ج	جائز	<i>Waqf</i> yang harus.
9	أج	أجوز	<i>Waqf</i> yang lebih harus.
10	ص	صالح	<i>Waqf</i> semata-mata harus, kalau disambungkan bacaan dengan ayat-ayat selepasnya adalah lebih baik lagi.
11	أص	أصلح	Tanda <i>waqf</i> semata-mata lebih harus mewaqfkan bacaan diatasnya.
12	وصل	-	Hendaklah disambungkan bacaan dengan ayat yang selepasnya.
13	لا	-	Tidak boleh <i>waqf</i> pada kalimah tersebut.

<sup>2</sup> Dato Mohamad Nor bin Mansor al-Hafiz merupakan Pengerusi Lajnah Tashih al-Quran, Lembaga Teks al-Quran Kementerian Dalam Negeri Malaysia. Beliau dilahirkan pada 10 Januari 1950 di Kg. Sungai Keli, Hutan Melintang, Perak. Beliau mendapat pendidikan di Sek. Keb. Sungai Keli, Hutan Melintang pada tahun 1957-1962, Maahad Salahuddin Abdul Aziz Shah, Sabak Bernam dari tahun 1962-1969, Diploma Maahad Tahfiz Al-Quran, Darul Quran (JAKIM) dan Ijazah Sarjana Muda B.A. (Hons), Subra, Universiti Al-Azhar, Qaherah tahun 1975-1980. Beliau memegang jawatan sebagai Pengetua Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Perak dari tahun 1984-sekarang. (Ahmad Farid Fadhli 2012).

14	١١	-	Harus <i>waqf</i> pada salah satu tempat sahaja.
----	----	---	--

Rajah 3 Pengertian Tanda-tanda Alamat *Waqf*  
 Sumber: *Mushaf* Malaysia 1988

Proses penambahbaikan pada *mushaf* al-Quran yang dicetak sentiasa dilakukan dari masa ke semasa. Daripada 14 tanda *waqf* yang diletakkan pada *mushaf* tahun 1988, kini hanya terdapat 6 tanda *waqf* sahaja yang diletakkan dalam al-Quran. Jawatankuasa Lajnah Pentashihan telah merujuk kepada Lajnah percetakan Mujamma<sup>c</sup> Malik Fahd di Madinah yang mana terdapat hanya 6 tanda *waqf* yang diletakkan pada *mushaf* al-Quran terkini iaitu 1) *waqf lāzim* (م), 2) *waqf jaiẓ* (ع), 3) *waqf jaiẓ* tetapi berhenti lebih baik (ق), 4) *waqf jaiẓ* tetapi sambung lebih baik (ص), 5) Tanda tidak boleh berhenti kecuali di akhir ayat (لا), dan 6) *waqf* pada salah satu tanda/*Mu'anaqah* (١١).

## 5. TANDA WAQF AL-QURAN MASA KINI

Berikut dijelaskan maksud berkaitan tanda-tanda *waqf* yang terdapat didalam al-Quran pada masa kini:

### a) Tanda (م)

Tanda *waqf lāzim*. Tanda ini adalah singkatan dari perkataan bahasa Arab (لازم) bermaksud “mesti” (Zakaria al-Ansari 2011). *Waqf* pada tanda ini adalah dituntut atau mesti. Contohnya firman Allah S.W.T.:

فَلَا يَجْزِيكَ قَوْلُهُمْ إِنَّا نَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ ٧٦

Maksudnya:

Maka janganlah engkau (Muhammad) berdukacita disebabkan tuduhan-tuduhan mereka (terhadapmu). Sesungguhnya Kami sedia mengetahui apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka nyatakan.

### b) Tanda (قلى)

Tanda (قلى) adalah sebahagian dari *waqf jāiz*. Ia adalah singkatan dari perkataan dalam bahasa Arab (الوقف أولى) yang bermaksud *waqf* (berhenti) lebih baik dari *wasl* (sambung) pada tanda ini (Abd al-Latif Fayiz Daryan 1999). Berhenti pada tempat ini dikira *al-Waqf al-Tām* dan memulakan dari ayat berikutnya juga harus (Zakaria al-Ansari 2011). Contohnya *waqf* pada firman Allah S.W.T.:

وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى ١٧٧

Maksudnya:

Dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah dan hendaklah kamu membawa bekal dengan cukupnya, sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah taqwa.

### c) Tanda (ج)

Tanda ini adalah singkatan dari perkataan (الجائز) bermaksud “harus” *waqf* (berhenti) atau *wasl* (menyambung) pada tanda ini. Berhenti pada tempat ini dikira sebagai berhenti pada

*al-Waqf al-Kāfi*. Memulakan dari ayat berikutnya juga harus (Abd al-Latif Fayiz Daryan 1999). Tanda *waqf* (ج) menunjukkan hubung kait epilog antara ayat atau klausa, jika diberhentikan atau disambungkan bacaan pada ayat atau klausa ia tidak merosakkan makna dan tidak mencatikan epilog (Mahmud Khalil al-Husari 2002). Contohnya seperti *waqf* pada firman Allah S.W.T.:

وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمُوتٌ ۚ بَلْ أَحْيَاءٌ وَلَكِنَّ لَّا تَشْعُرُونَ ١٥٤

Maksudnya:

Dan janganlah kamu mengatakan (bahawa) sesiapa yang terbunuh dalam perjuangan membela agama Allah itu orang-orang mati, bahkan mereka itu orang-orang yang hidup (dengan keadaan hidup yang istimewa), tetapi kamu tidak dapat menyedarinya.

d) Tanda (صلي)

Tanda (صلي) ini adalah sebahagian dari *waqf jāiz*. Ia adalah singkatan dari perkataan (الوصل أولى) dalam bahasa Arab yang bermaksud *wasl* (sambung) lebih baik daripada *waqf* (berhenti) pada tanda ini (Abd al-Latif Fayiz Daryan 1999). Berhenti pada tempat ini dikira sebagai *al-Waqf al-Kāfi*. Memulakan dari ayat berikutnya juga harus. Tanda *waqf* ini menunjukkan hubungan kesinambungan epilog yang rapat antara ayat atau klausa dan lebih sesuai jika disambungkan bacaan pada tanda ini tanpa memberhentikan bacaan, namun jika memberhentikan bacaan pada tanda ini ia tidak menjejaskan makna (Ahmad Farid Fadhli 2012). Contoh pada firman Allah S.W.T:

أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ٥

Maksudnya:

Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang berjaya.

e) Tanda (٢٢)

Tanda *waqf ta'ānuq* iaitu *waqf* berpasangan. Pembaca boleh memilih untuk *waqf* pada salah satu tanda ini. Sekiranya pembaca menghentikan bacaan pada kalimah pertama, maka tidak boleh untuk berhenti pada kalimah kedua yang mempunyai tanda *waqf ta'ānuq* ini (Aiman Rushdi Suwaid 2011). Contohnya *waqf* firman Allah S.W.T.:

قَالَ فَإِنَّهَا مُحَرَّمَةٌ عَلَيْهِمْ أَرْبَعِينَ سَنَةً يَتِيهُونَ فِي الْأَرْضِ ٢١

Maksudnya:

Allah berfirman: "Sesungguhnya negeri itu diharamkan kepada mereka memasukinya selama empat puluh tahun, mereka akan merayau-rayau dengan bingungnya (di sepanjang masa yang tersebut) di padang pasir (Sinai).

f) Tanda (لا)

Tanda dilarang *waqf*. Dikenali sebagai *waqf qabīh* (tidak harus berhenti padanya dan terus memulakan ayat selepasnya). Jika seseorang itu berhenti pada tanda ini, dia perlu

memulakan semula bacaannya dari ayat sebelumnya (Ahmad Farid Fadhli 2012). Contohnya *waqf* pada firman Allah S.W.T.:

وَلَيْنِ اتَّبَعَتْ أَهْوَاءَهُمْ مِّنْ بَعْدِ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ لَا إِنَّكَ إِذَا لَمِنَ الظَّالِمِينَ ١٥

Maksudnya:

Demi sesungguhnya! Kalau engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka setelah datang kepadamu pengetahuan (yang telah diwahyukan kepadamu), sesungguhnya engkau, jika demikian, adalah dari golongan orang-orang yang zalim.

Tanda *waqf* (لا) menunjukkan larangan bagi memberhentikan bacaan kerana ia akan mencacatkan epilog serta merosakkan makna di antara ayat atau klausa (Ahmad Farid Fadhli 2012).

g) *Sakt* (س)

*Al-Sakt* (س) dari segi bahasa bermaksud diam dan diletak di atas huruf yang akhir pada sebahagian perkataan (Mahmud Khalil al-Husari 2002). Dari segi istilah ilmu tajwid, *sakt* bermaksud menghentikan bacaan tanpa memutuskan nafas sekadar tidak lebih dari dua harakat kemudian meneruskan bacaan tersebut dengan nafas yang sama (Mahmud Khalil al-Husari 2002). Seterusnya Ahmad Farid Fadhli (2012) menjelaskan terdapat lima ayat di dalam *mushaf rasm uthmānī* yang menggunakan tanda *sakt* iaitu seperti dalam rajah 4 berikut:

Bil	Surah	Ayat al-Quran
1	Surah al-Kahfi: 1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا ١
2	Surah Yasin: 52	قَالُوا يَوَيْلَنَا مَنْ بَعَثَنَا مِنْ مَرْقَدِنَا ۗ هَذَا مَا وَعَدَ الرَّحْمَنُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ ٥٢
3	Surah al-Qiamah: 27	وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ ٢٧
4	Surah al-Mutaffifin: 14.	كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ١٤
5	Surah al-Haqqah: 28	مَا أَغْنَىٰ عَنِّي مَالِيَّةٌ ٢٨

Rajah 4 Tanda-tanda saktah di dalam al-Quran  
 Sumber: Ahmad Farid Fadhli (2012)

Tanda *saktah* yang terletak di dalam ayat 28 surah al-Ḥaqqah diharuskan membaca dengan dua wajah bacaan iaitu dengan meng*izharkan* bersama *sakt* atau meng*idghāmk*an tanpa *sakt*. Bacaan *izhar* serta *sakt* merupakan bacaan yang lebih *arjah* mengikut riwayat Hafṣ <sup>c</sup>an Asim

(Ahmad Farid Fadhli 2012). Bacaan *sakt* ini berlaku hanya pada keadaan menyambungkan bacaan sahaja. Jika seseorang memilih untuk *waqf*, maka bacaan *sakt* tidak diperlu lagi.

## 6. KESIMPULAN

Tanda-tanda *waqf* yang terdapat di dalam al-Quran adalah merupakan *ijtihad* pada ulama *waqf* dan *ibtida'*. Penentuan dalam meletakkan tanda-tanda *waqf* ini berdasarkan disiplin tatabahasa Arab dan aspek makna ayat al-Quran dan sebagai suatu kemudahan kepada pembaca al-Quran supaya dapat berhenti pada tempat sesuai bertepatan dengan makna dan lafaz. Setiap ayat tergantung atau tidak sempurnya, maka ulama tidak meletakkan sebarang tanda *waqf* pada ayat al-Quran. Di akhir setiap *mushaf* al-Quran telah dijelaskan berkaitan dengan tanda-tanda *waqf* yang diletakkan di dalam al-Quran (Abd al-Latif Fayiz Daryan 1999). Sekiranya seseorang pembaca tidak menguasai ilmu tatabahasa Arab dan tafsir al-Quran, maka hendaklah mematuhi tanda-tanda *waqf* yang telah diletakkan oleh para ulama yang berkelayakan dalam bidang ini supaya tidak berlaku kesalahan dari sudut tatabahasa Arab dan kesilapan pada makna ayat al-Quran.

Menurut pandangan pengkaji, tanda-tanda *waqf* yang terdapat di dalam ayat al-Quran ini harus dipatuhi dengan sebaiknya, supaya kesalahan dalam *waqf* dan *ibtida'* dapat dielakkan.

## 7. RUJUKAN

- Abd al-Latif Fayiz Daryan. 1999. *al-Tabyin fi Ahkam Tilawah al-Kitab al-Mubin*. Birut: Dar al-Ma<sup>o</sup>rifah.
- Ahmad Farid Fadhli. 2012. "*Tanda Waqf Dalam al-Qurn al-Karim: Analisis Surah al-Kahfi Berdasarkan Rasm Uthmānī*". Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden Universiti Malaya.
- Asep Saefullah 2013. Tanda Waqaf Dan Tanda Tajwid Dalam Mushaf Kuno Nusantara. Kertas kerja "Seminar Nasional Al-Quran", Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Quran, yang dilaksanakan pada 21 – 24 Mei 2013, di Hotel Le Dian, Serang Banten.
- Hasan Bigalary. 1946. *Sirr al-Bayān fi 'Ilm al-Qur'ān*, Tehran: Kitab Khaneh Sinai.
- °Izzah °Ubaid Da°as. 2011. *Fan al-Tawid*. Al-Qaherah: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Mahmud Khalil al-Husori. 2002. *Ma°alim al-Ihtida' ila ma°rifah al-Wuquf wa al-Ibtida'*. Qaherah: Maktabah Sunnah.
- Muhammad Salim Muhaithin. 2002. *Irsyad al-Talibin ila Dhabt al-Kitab al-Mubin*. Edi. Ke 2. Mesir: Dar al-Muhaithin li al-Thaba°at wa al-Nashr wa al-Tauzi°.
- Mushaf Standar Indonesia*, Jakarta: Kementerian Agama, 2012.
- Mushaf Malaysia* 1988
- Al-Suyuti. 2008. *Al-Itqan fi °Ulum al-Quran* Birūt: Muassasah Risalah.
- Zakariyya al-Ansari. 2011. *Al-Muqtasid li Talkhis ma fi al-Mursyid fi al-Waqf wa al-Ibtida'*. Birūt: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.